

*Perlembagaan  
mampu zahirkan  
perpaduan*

BH

8/1/13 MS27

*Prinsip undang-undang perlu dilestari*

Sebagai undang-undang tertinggi negara, Perlembagaan hendaklah menjadi undang-undang paling berkesan. Undang-undang paling berkesan dimaksudkan sebagai undang-undang yang mampu menjamin kesejahteraan negara.

Bagi menjadikannya undang-undang paling berkesan, Perlembagaan hendaklah diisytiharkan sebagai undang-undang tertinggi negara. Saya sudah mengulas mengenai perkara ini dalam tulisan terdahulu.

Selain itu, Perlembagaan juga hendaklah mengandungi prinsip yang boleh diterima oleh masyarakat. Penerimaan masyarakat terhadap Perlembagaan amat penting dalam memastikan ia berkesan dan seterusnya dapat memanfaatkan negara dan rakyatnya.

### **Perlembagaan bersifat tegas, tegas**

Perlembagaan juga hendaklah bersifat tegas dan tegas. Pada masa sama Perlembagaan juga bersifat anjal. Kedua-dua sifat ini, walaupun bertentangan, perlu wujud kerana Perlembagaan itu bersifat lestari.

Sifat yang bertentangan ini perlu wujud kerana Perlembagaan berbeza dengan undang-undang biasa. Perlembagaan lebih terbuka sifatnya dan lebih luas ruang lingkupnya berbanding undang-undang biasa yang lebih spesifik sifat dan skopnya.

Kedua-dua sifat ini juga memberikan ruang yang lebih besar kepada mahkamah untuk mentafsir Perlembagaan. Tafsiran yang luas dan tidak terikat perlu dalam tafsiran Perlembagaan bagi melestarikannya.

Disebabkan ia adalah hasil ciptaan manusia, maka dalam keadaan tertentu, Perlembagaan juga boleh dipinda. Walaupun begitu pindaan Perlembagaan hanya boleh dilakukan menerusi tatacara yang ditentukan oleh Perlembagaan itu sendiri. Pindaan tersebut bukanlah sesuatu yang mudah dan tidak pula boleh diambil mudah.

### **Jamin kestabilan, kemakmuran**

Begitulah juga dengan Perlembagaan Persekutuan. Sifat-sifat yang saya rangkum di atas itu sudah dimiliki Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang saya sebut dalam banyak tulisan sebelum ini, Perlembagaan kita mempunyai peruntukan dan nilai tertentu yang telah membuktikan ia sebagai undang-undang yang berkesan.

Perlembagaan kita direka dan diberi pengisian sebegitu rupa yang berupaya menjamin kestabilan dan kemakmuran negara. Pengisian Perlembagaan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keadaan ekonomi, sosial dan budaya masyarakat.

Walau apa pun yang diperkata mengenai Perlembagaan Persekutuan, ia

berjaya menjadi tulang belakang kepada kemakmuran, kesejahteraan dan kemajuan negara. Negara kita membangun dan maju dengan Perlembagaan yang ada sejak lebih 50 tahun dahulu. Paling utama, sebagai undang-undang utama, Perlembagaan sudah mampu menzahirkan perpaduan antara negeri-negeri yang membentuk Malaysia.

Selain itu, Perlembagaan juga telah terbukti mampu mengekalkan perpaduan antara kaum di negara ini. Ia berhasil mewujudkan hubungan baik dengan cara memberi perhatian dan mengambil berat pelbagai perkara berkaitan itu. Kejayaan ini adalah hasil daripada kejayaan 'pemain' dan 'pelanggan' atau 'pengguna' Perlembagaan dalam melestarikan prinsip-prinsipnya.

Secara keseluruhan saya dapati Perlembagaan kita adalah antara yang terbaik di dunia dalam aspek pengiktirafan dan pengekalan kepada beberapa elemen warisan, tradisi, budaya serta hal-hal sosial keseluruhannya. Kita sudah berjaya melaksanakan prinsipnya dengan baik.

Sebenarnya peruntukan Perlembagaan yang cantik dan lengkap tidak dapat menjamin kestabilan dan kemakmuran serta memberi manfaat kepada negara sekiranya ia tidak dilaksanakan sebaik mungkin oleh 'pemain' dan 'pelanggan' atau 'penggunanya'. Pemain Perlembagaan merangkumi mereka dalam pentadbiran politik. Pelanggan atau pengguna Perlembagaan merujuk kepada khalayak atau rakyat.

### **Pemimpin, rakyat main peranan**

Perlembagaan tidak bercakap, tidak bergerak dan tidak bertindak dengan sendiri. Perlembagaan memerlukan kuasa lain untuk dilaksanakan. Kuasa itu ada pada pemain dan pelanggan atau penggunanya. Dalam konteks pentadbiran, tugas melestarikan Perlembagaan itu terletak di atas bahu barisan pimpinan. Dalam pelbagai konteks lain, termasuk kebebasan asasi, ia bukan hanya terletak di atas bahu pimpinan saja. Rakyat juga memainkan peranan penting bagi memastikan kebebasan yang dituntut serta mahu dilaksanakan itu berdasarkan kepada Perlembagaan serta nilainya.

Dalam erti kata lain, hidup atau mati Perlembagaan bergantung kepada pemimpin dan juga rakyat. Sama ada Perlembagaan itu mampu menjadi undang-undang berkesan ataupun tidak, ia terikat dengan pilihan rakyat. Dalam sistem demokrasi, menerusi apa yang dinamakan sebagai 'political sovereign', rakyatlah penjaga Perlembagaan sebenar. Hanya rakyat yang mampu menentukan sama ada Perlembagaan adalah undang-undang berkesan atau tidak.



**Penulis**

ialah Prof Madya Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM